



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

**TEKS KHUTBAH**

**Tajuk:**

**MEMBEZAKAN NILAI, MEMILIH KEBENARAN**

**Tarikh Dibaca:**

**9 JAMADILAWAL 1447H /  
31 OKTOBER 2025**

**Disediakan oleh:**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**

**MEMBEZAKAN NILAI, MEMILIH KEBENARAN****31 OKTOBER 2025 / 9 JAMADILAWAL 1447H**

أَحْمَدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿قُلْ لَا يَسْتَوِي الْخَبِيثُ وَالطَّيِّبُ وَلَوْ أَعْجَبَكَ كَثْرَةُ الْخَبِيثِ فَاتَّقُوا اللَّهَ

يَأُولِي الْأَلْبَابِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٥٠﴾ المائدة [100]

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ  
عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ،  
أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

**Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah,**

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa. Laksanakan segala perintah Allah dan jauhilah segala larangan-Nya. Sebagai tanda bukti kita ingin meraih takwa kepada Allah, tumpukan perhatian untuk mendengar khutbah Jumaat pada hari ini. Khutbah ini bukan sekadar untuk didengar pada hari Jumaat, lalu dibiarkan berlalu begitu sahaja. Setiap isi yang disampaikan adalah amanah ilmu yang mesti dibawa pulang dan disampaikan kepada ahli keluarga kita. Kerana tanggungjawab mendidik, membimbing dan membentengi rumah tangga dengan kebenaran bukan tugas masjid semata-mata tetapi tanggungjawab seorang ketua keluarga di hadapan Allah pada hari pengadilan nanti. Jika khutbah ini berhenti di telinga, maka kesannya kecil. Tetapi jika sampai ke

rumah, diamatkan bersama anak dan isteri, barulah ia menjadi nur yang menyelamatkan. Tinggalkanlah perkara *lagha* dan sia-sia yang boleh menjejaskan pahala Jumaat seperti berbual-bual, tidur dengan sengaja dan bermain telefon bimbit semasa khatib membaca khutbah. Di kesempatan ini marilah kita bersama-sama menghayati khutbah bertajuk **“Membezakan Nilai, Memilih Kebenaran”**.

### **Sidang Jumaat yang dikasihi Allah,**

Kehidupan manusia adalah perjalanan panjang menuju kebenaran. Namun dalam perjalanan itu, ada simpang yang mengelirukan, ada suara yang memujuk, ada cahaya palsu yang menipu mata. Hari ini, kebenaran sering dibungkus dengan rupa yang menawan, dan kebatilan disolek agar tampak indah. Dunia moden telah mengubah wajah fitnah. Jika dahulu fitnah datang melalui pedang dan kuasa, hari ini ia datang melalui skrin dan suara. Sekali petik jari, berita palsu boleh menjelma sebagai kebenaran. Sekali perkongsian, dosa boleh berantai tanpa kita sedar.

### **Sidang Jumaat yang dimulikan,**

Rasulullah SAW telah pun mengingatkan kita tentang zaman seperti ini dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA, bermaksud:

*“Akan datang kepada manusia tahun-tahun yang penuh dengan penipuan dan tipu-daya, kata-kata pendusta dibenarkan (dipercayai) dan didustakan percakapan orang yang benar, diberi amanah kepada pengkhianat dan dikhianati orang-orang yang amanah. Kemudian akan berkata-katalah golongan al-Ruwaibidah. Baginda SAW ditanya: Siapakah golongan al-Ruwaibidah? Maka baginda SAW menjawab: Orang yang bodoh lagi fasiq berbicara (mengurus) berkaitan perkara umum yang besar”.* **(Riwayat Ahmad dan Ibnu Majah)**

Allah SWT telah memberi peringatan sejak dahulu lagi dalam firman-Nya:

﴿وَلَا تَلْبِسُوا الْحَقَّ بِالْبَاطِلِ وَتَكْتُمُوا الْحَقَّ وَأَنْتُمْ تَعْمُونَ﴾

**Maksudnya:** “Dan janganlah kamu campur-adukkan yang benar dengan yang salah, dan janganlah kamu sembunyikan kebenaran sedangkan kamu mengetahuinya”. **(Surah al-Baqarah ayat 42)**

Inilah peringatan abadi yang menggoncang hati setiap mukmin. Kerana sejak dahulu hingga kini, manusia bukan sekadar berhadapan dengan kebatilan yang jelas, tetapi berhadapan dengan kebatilan yang memakai pakaian kebenaran.

### **Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), pada tahun 2024, negara kita mempunyai lebih 34 juta penduduk, dan lebih 32 juta daripada mereka aktif menggunakan media sosial setiap hari. Lebih separuh ialah golongan muda generasi yang sedang membina pandangan hidup mereka melalui dunia maya. Angka ini menunjukkan betapa kuatnya pengaruh dunia digital terhadap cara kita berfikir, menilai dan mempercayai sesuatu. Di hujung jari kita, ada ilmu yang membawa ke syurga tetapi juga ada fitnah yang menyeret ke neraka. Semuanya bergantung pada siapa yang membimbing jari itu, hati atau hawa nafsu.

Dalam suasana inilah umat Islam perlu kembali kepada neraca akidah dan wahyu. Kita tidak menilai sesuatu berdasarkan “apa kata manusia”, tetapi berdasarkan “apa kata Allah dan Rasul-Nya”. Firman Allah SWT pada ayat yang dibacakan khatib di permulaan khutbah tadi, pada Surah al-Maa'idah ayat ke 100. Maksudnya:

*“Katakanlah (wahai Muhammad): Tidak sama yang buruk dengan yang baik, walaupun banyaknya yang buruk itu menarik hatimu”.*

Ayat ini jelas mengajarkan kita bahawa ukuran kebenaran tidak ditentukan oleh banyaknya pengikut, tetapi oleh kesesuaiannya dengan wahyu Allah. Kebenaran tidak bergantung kepada populariti, dan kebatilan tidak akan menjadi benar hanya kerana ramai menyokongnya. Krisis yang paling besar hari ini bukanlah semata krisis ekonomi atau dunia, tetapi krisis akidah dan kehilangan kompas kebenaran. Apabila akidah longgar, segala nilai mudah digoyang. Manusia mula menukar makna dosa dan pahala. Yang haram dinamakan kebebasan, yang halal dikatakan kolot, dan yang benar dianggap tidak realistik. Inilah tanda-tanda kerosakan hati yang disebut oleh ulama iaitu apabila manusia sudah tidak malu untuk menentang perintah Allah, dan tidak segan untuk menormalisasi dosa di hadapan khalayak.

**Sidang Jumaat yang dimulakan,**

Fitnah nilai yang melanda umat ini tidak boleh disembuhkan hanya dengan kemarahan, tetapi mesti dihadapi dengan ilmu dan hikmah. Ilmu membimbing, hikmah menenangkan. Kedua-duanya datang daripada hati yang tunduk kepada Allah.

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ

**Maksudnya:** “Serulah ke jalan Tuhanmu dengan hikmah dan nasihat yang baik”. (Surah an-Nahl ayat 125)

Maka dalam berdakwah, janganlah kita menjadi keras sehingga menolak manusia, dan jangan pula lembik sehingga melupakan prinsip. Kebenaran mesti disampaikan dengan kasih, tetapi kasih yang berpaksikan iman, bukan emosi. Ulama menyebut bahawa salah satu tanda akhir zaman ialah manusia mencari agama yang sesuai dengan seleranya, bukan jiwanya. Mereka mahu Islam yang memudahkan hawa nafsu, bukan Islam yang membimbing nafsu. Oleh itu, tugas kita sebagai umat Islam bukan sekadar menolak kebatilan, tetapi menghidupkan kembali kebenaran dalam diri dan masyarakat. Mulakan dengan diri perbetulkan niat, bersihkan hati, kuatkan prinsip. Kemudian keluarga didik anak-anak agar cinta kepada Islam, bukan sekadar kerana adat, tetapi kerana yakin ia benar. Masyarakat pula perlu menjadi benteng nilai. Apabila melihat fitnah, jangan disebarkan. Apabila melihat kebenaran, pertahankan. Kebenaran itu mahal. Ia tidak dijual di pasar, dan tidak dibeli dengan harta. Ia lahir daripada hati yang jujur dan iman yang kukuh.

Kebenaran itu ibarat pelita di tengah malam yang gelap. Mungkin kecil cahayanya, tetapi ia cukup untuk menunjukkan jalan. Sesiapa yang berpaling daripadanya, akan terus meraba-raba dalam kegelapan. Kebenaran juga ibarat pohon yang berakar di bumi dan menjulang ke langit. Akarnya ialah iman, batangnya ialah ilmu, dan buahnya ialah amal. Jika akar tercabut, pohon itu akan tumbang walau kelihatan besar. Sebaliknya, kebatilan seperti asap menutup pandangan seketika, tetapi hilang ditiup angin masa. Orang yang mengikuti kebatilan umpama mengejar bayang, semakin dikejar, semakin jauh ia berlari.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Sebagai penutup khutbah ini, marilah kita simpulkan tiga perkara penting yang harus kita bawa pulang sebagai panduan hidup:

**Pertama:**

Kebenaran adalah asas akidah dan tonggak umat. Berpeganglah kepadanya walau seluruh dunia menolak. Kerana kebenaran bukan milik majoriti, tetapi milik mereka yang beriman dan jujur kepada Allah.

**Kedua:**

Didiklah diri, keluarga dan masyarakat untuk menilai sesuatu dengan panduan wahyu, bukan dengan hawa nafsu atau populariti dunia. Kembalikan al-Quran dan sunnah ke dalam keputusan dan pertimbangan kita setiap hari.

**Ketiga:**

Pertahankan kebenaran dengan hikmah, kasih dan istiqamah. Gunakan ilmu untuk menerangi, bukan mengelirukan. Gunakan lidah untuk menasihati, bukan menghina. Kerana setiap perkataan dan perbuatan akan diperhitungkan di hadapan Allah SWT kelak.

Jika tiga perkara ini kita pegang teguh beriman, berprinsip dan beramal dengan kebenaran *insya-Allah* umat ini akan kembali kuat, masyarakat akan kembali tenang, dan bumi akan kembali diberkati dengan cahaya Islam yang hakiki.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ

ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَيْدِ بَدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ د-قُرْتَوَانِ اَكُوغْ سُلْطَانِ إِبْرَاهِيمِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا رَاغْ قُرْمَايسُورِي اَكُوغْ، رَاغْ زَارِيثُ صُوفِيَاهُ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَائِهِ وَقُضَاتِهِ وَعُمَّالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا أَمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رَخَاءٍ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، وَسَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

Ya Allah! Ampunilah segala dosa kami sama ada yang kami sedar ataupun tidak. Bantulah umat Islam yang tertindas di mana-mana jua terutamanya buat saudara kami di Sudan Palestin dan di mana-mana sahaja. Berilah kekuatan buat mereka yang kini sedang membina semula sisa kehidupan mereka dari runtuh dan debu peperangan. Ya Allah, Engkaulah sebaik-baik Pelindung! Pulihkanlah bumi mereka yang hancur, sembuhkanlah mereka yang terluka, dan gantikanlah setiap titisan air mata mereka dengan senyuman yang Engkau redhai.

Ya Allah, Tuhan yang Maha Menkuatkan! Tabahkanlah hati kami dalam menempuh gelombang ujian dunia yang kian mencabar ini. Jangan biarkan kami goyah ketika diuji dan jangan Kau palingkan hati kami setelah Kau beri petunjuk. Jadikanlah kami serta zuriat keturunan kami antara hamba-hamba-Mu yang tetap mendirikan solat dan berakhlak mulia. Lindungilah kami, wahai Tuhan Yang Maha Penyayang, daripada kemurkaan-Mu dan segala bala bencana baik wabak penyakit yang berbahaya, kemarau yang memeritkan, banjir yang memusnahkan, gempa yang menggoncang, serta angin yang membinasakan. Peliharalah kami daripada kesesatan, kejahilan dan segala kejahatan, sama ada yang tampak mahupun yang tersembunyi. Sesungguhnya tiadalah daya dan kekuatan bagi kami melainkan dengan pertolongan dan rahmat-Mu jua, Engkaulah sebaik-baik pelindung dan seagung-agung penolong.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ،

\* إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ

يُعْظَمُ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.